

Bil. S 90

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 1 TAHUN 2000

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh cerai-ceraian (1) dan (2) bab 5 dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 1 Tahun 2000 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 31 haribulan Oktober, 2000.

Pemasukan mukasurat-mukasurat.

2. Pemasukan dalam Undang-Undang bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Pertama merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini dibenarkan.

Pengeluaran mukasurat-mukasurat.

3. Pengeluaran dari Undang-Undang bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Kedua merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini diarahkan.

Penggantian mukasurat-mukasurat.

4. Pengeluaran dari Undang-Undang bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual Ketiga yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelumnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat dengan merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini diarahkan, dan pemasukan dalam Undang-Undang, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang diarahkan untuk dikeluarkan, bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual itu yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelumnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini diarahkan.

JADUAL PERTAMA

(perenggan 2)

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat
10	[Tiada undang-undang bertulis]	1 hingga 2
53	[Tiada undang-undang bertulis]	1 hingga 2
175	Perintah Darurat (Nafkah Penguatkuasaan Timbal Balik), 1995 (S 33/95)	1 hingga 20
	Perintah-Perintah Nafkah Penguatkuasaan Timbal Balik, 1997 (S 7/97)	1 hingga 2
176	Perintah Darurat (Perjanjian Bretton Woods), 1995 (S 34/95)	1 hingga 14
177	Perintah Darurat (Penguatkuasaan Timbal Balik Penghakiman Asing), 1996 (S 11/96)	1 hingga 14
	Perintah di bawah bab 3 (S 8/97)	1 hingga 2
178	Perintah Darurat (Pengedaran Dadah) (Mendapatkan Kembali Hasil), 1996 (S 12/96)	1 hingga 48
179	Perintah Darurat (Bidangkuasa Admiralti), 1996 (S 26/96)	1 hingga 10
180	Perintah Darurat (Penyiaran), 1997 (S 9/97)	1 hingga 40
	Kenyataan Penyiaran (Tataamalan), 1998 (S 44/98)	1 hingga 14
181	Perintah Darurat (Hiburan Awam), 1997 (S 15/97)	1 hingga 10
	Aturan-Aturan Hiburan Awam (Bayaran dan Borang), 1998 (S 14/98)	1 hingga 10
	Perintah Hiburan Awam (Pengecualian), 1999 (S 5/99)	1 hingga 2
182	Perintah Darurat (Kesihatan Awam) (Makanan), 1998 (S 17/98)	1 hingga 22

JADUAL PERTAMA (Sambungan)		(perenggan 2)
Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat
183	Perintah Darurat (Daging Halal), 1998 (S 30/98)	1 hingga 8
	Aturan-Aturan Daging Halal, 1999 (S 20/99)	1 hingga 22
184	Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998 (S 37/98)	1 hingga 18
185	Perintah Darurat (Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim), 1998 (S 45/98)	1 hingga 18

JADUAL KEDUA		(perenggan 3)
Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat
113	Akta Perjalanan Udara	45 hingga 310

JADUAL KETIGA (perenggan 4)

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat	Tulisan
14	Akta Had Masa	1 hingga 20	B.L.R.O. 1/1984

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- Mukasurat	Tulisan
14	Perintah Darurat (Had Masa), 1991 (S 25/91)	1 hingga 38	B.L.R.O. 1/2000

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 7 haribulan November, 2000.

DATO PADUKA AWANG KIFRAWI BIN
DATO PADUKA HAJI KIFLI
PEGUAM NEGARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.